

D.R. 38/91

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

b e r n a m a

Suatu Akta bagi meminda Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 bagi memperluaskan pemakaian Akta itu ke Wilayah Persekutuan Labuan.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Dull Yang Maha Mulia Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 1991. Tajuk ringkas.

2. Seksyen 1 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda dengan menggantikan subseksyen (1) dengan yang berikut: Pindaan seksyen 1. Akta 303.

"(1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 dan terpakai hanya bagi Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan."

Pindaan
seksyen 2.

3. Seksyen 2 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan menggantikan takrif "Enakmen Pentadbiran" dengan yang berikut:

En. Sel. ' "Enakmen Pentadbiran" ertinya Enakmen
3/52. Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor—

(a) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, sebagaimana yang diubahsuaikan oleh Perintah-Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1974, 1981 dan 1988 yang dibuat menurut seksyen 6 (4) Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1973 dan berkuatkuasa di dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menurut kuasa seksyen 6 (1) Akta itu; dan

P.U. (A) 44174.
P.IJ (A) 390/81.
P.U (A) 163188.
P.U. (A) 263/88.

Akta A206.

(b) berhubung dengan Wilayah Persekutuan Labuan, sebagaimana yang diubahsuaikan dan diperluaskan melalui Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 yang dibuat menurut seksyen 7 Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984;';

P.U. (A) 352/85.

Akta A585

(b) dengan menggantikan perkataan "Wilayah" yang terdapat dalam takrif "wali Raja" dengan perkataan "Wilayah-Wilayah".

(c) dengan menggantikan noktah di akhir takrif "wali Raja" dengan koma bernoktah, dan memasukkan, selepas sahaja takrif tersebut, takrif-takrif baru yang berikut:

"Wilayah Persekutuan" ertinya Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atau Labuan, mengikut mana yang dikehendaki;

"Wilayah-Wilayah Persekutuan" ertinya Wilayah-Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan.'.

4. Seksyen 3 Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan perkataan "Wilayah" dengan perkataan-perkataan "Wilayah-Wilayah". Pindaan seksyen 3.
5. Seksyen 52 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Ordinan Sakit Otak 1952" dalam perenggan (*k*) subseksyen (1), perkataan-perkataan "bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, atau Ordinan Lunatik bagi Wilayah Persekutuan Labuan,", dan dengan memasukkan nota birai "*Sabah Bab 74.*" sebagai rujukan kepada Ordinan Lunatik. Pindaan seksyen 52.
6. Seksyen 53 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian 1957" dalam subseksyen (1), perkataan-perkataan "bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, atau Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian bagi Wilayah Persekutuan Labuan,", dan dengan memasukkan nota birai "*Sabah Bab 123*" sebagai rujukan kepada Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian. Pindaan seksyen 53.
7. Seksyen 135 Akta ibu adalah dipinda dengan memasukkan, selepas sahaja perkataan-perkataan "Wilayah Persekutuan", perkataan-perkataan "Kuala Lumpur". Pindaan seksyen 135.
8. Bahagian VI, VII, seksyen 155, 156, 158, 159, 160 dan perenggan (*n*) seksyen 178 Enakmen Pentadbiran adalah dengan ini dimansuhkan dan hendaklah oleh sebab itu terhenti terpakai bagi Wilayah Persekutuan Labuan. Pemberhentian pemakaian Enakmen Selangor 3/52.

HURAIAN

Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984 (selepas ini disebut "Akta") telah mula berkuatkuasa pada

29hb April 1987. Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda bagi memperluaskan Akta, yang sekarang ini berkuatkuasa hanya bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, untuk dipakai juga bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

2. *Fasal 2* seterusnya meminda seksyen 1 Akta untuk menampakkan pindaan dan perluasan yang dicadangkan.

3. *Fasal 3* bertujuan meminda takrif "Enakmen Pentadbiran" yang ada sekarang dalam seksyen 2 Akta. Takrif yang dicadangkan adalah perlu memandangkan mula berkuatkuasanya Perintah Wilayah Persekutuan (Pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1981 dan 1988, dan Perintah Wilayah Persekutuan Labuan (Pengubahsuaian dan Perluasan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak) 1985 dan Akta Perlembagaan (Pindaan) (No. 2) 1984. *Fasal* ini juga memperuntukkan takrif-takrif "Wilayah Persekutuan" dan "Wilayah-Wilayah Persekutuan".

4. *Fasal 5* dan *6* bertujuan meminda seksyen 52 (1) (*k*) dan 53 (1) Akta supaya Ordinan Lunatik Sabah Bab 74 dan Ordinan Pendaftaran Kelahiran dan Kematian Sabah Bab 123 dapat dimasukkan ke dalam seksyen-seksyen masing-masingnya, kerana ini adalah undang-undang di Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Dengan penguatkuasaan Rang Undang-Undang ini, Bahagian VI, VII, seksyen 155, 156, 158, 159, 160 dan perenggan (*n*) seksyen 178 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1952 bagi Negeri Selangor tidak diperlukan lagi dan dengan yang demikian adalah dimansuhkan dan terhenti terpakai melalui *fasal 8* bagi Wilayah Persekutuan Labuan.

6. Pindaan-pindaan lain yang terkandung dalam Rang Undang-Undang ini bertujuan membuat perubahan-perubahan kecil atau yang berbangkit kepada Akta.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1690.]